

BAH

Mahathir - Pemilihan

DR MAHATHIR INGATKAN ANGGOTA UMNO SUPAYA UTAMAKAN KEPENTINGAN PARTI JITRA, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan anggota UMNO supaya memilih pemimpin yang dapat membawa kebaikan kepada UMNO supaya parti akan terus menjadi kukuh dan berkesan dan bukan untuk memenangkan calon tertentu sahaja.

Sambil mengulangi pendiriannya bahawa beliau tidak menyokong sesiapa kecuali UMNO, Presiden UMNO itu berkata, anggota UMNO perlu mengutamakan parti kerana hanya parti yang dapat menolong mereka dan bukan orang tertentu.

"Kalau nak pilih, nak mengundi, fikir dulu baik atau tak baik kepada parti, bukan tak baik untuk orang itu atau orang ini," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang juga ketua bahagian itu berkata, dalam pemilihan yang sedang berlaku, banyak perasaan yang tertumpu bukan untuk kebaikan parti tetapi kerana "hendak memberi kemenangan kepada si polan, si polan."

Katanya, dalam usaha untuk memenangkan calon tertentu itu ada yang sehingga melakukan perbuatan yang merugikan parti. -- Lagi.

▼23/09/14-09MST

CNS4284

U GB 23-09 00169 BA178

BAH

Mahathir - Pemilihan 3 Jitra

Dr Mahathir berkata, semua golongan dalam UMNO sama sahaja kepadanya dan terpulanglah kepada anggota UMNO yang berhak untuk memilih dan menentukan supaya pemilihan itu diasaskan kepada kepentingan parti.

Katanya, tidak kira sama ada golongan tua atau muda, lelaki atau perempuan semuanya mempunyai peranan yang sama penting dalam UMNO.

"Saya dulupun muda juga. Masa muda saya bergerak dalam UMNO, marah kepada orang tua kerana lambat, tak bergerak, tak cergas.

"Kini saya pun orang tua tetapi saya masih hendak memainkan peranan... itupun setakat orang hendak kepada saya," katanya.

"Sekarang ini, kita sudah lari daripada perjuangan dan masuk dalam bidang yang tidak ada kaitan dengan perjuangan. Kita masuk UMNO bukan untuk memperjuangkan nasib orang muda atau orang tua, yang harus kita tentukan ialah UMNO kerana UMNO tidak tua, tidak muda. Kita tidak kekal tetapi UMNO mungkin kekal kalau dipelihara dengan baik, kalau dipupuk dengan baik, ia boleh wujud 100, 200 atau 1,000 tahun," katanya. -- Lagi.

▼23/09/14-12MST

CNS4283

U GB 23-09 00139 BA177

BAH

Mahathir - Pemilihan 2 Jitra

"Saya tak payah sebut... kalau dedah (keburukan), buat tuduhan macam-macam sehingga parti lawan boleh guna untuk menghentam kita balik, ini tidak menguntungkan parti.

"Ia tidak harus dibuat tetapi berlaku sekarang ini kerana mereka hendak menjayakan si polan, si polan, bukan untuk menjayakan parti.

"Kalau orang asing atau orang sebelah buat macam itu kita tidak hairan tetapi ini orang UMNO sendiri yang buat macam itu kerana nak memenangkan calon mereka sehingga sanggup memburuk-burukkan parti, buat tuduhan yang tidak tepat, belanja wang dan sebagainya," katanya.

Katanya, jika akhirnya cara-cara yang digunakan itu memberi kemenangan kepada calon mereka, kemenangan itu adalah kosong kerana parti yang mereka menjadi pemimpinnya sudah menjadi lemah dan tidak kuat lagi.

"Kalau parti tak kuat jadi pemimpin buat apa?" katanya. -- Lagi.

▼23/09/14-10MST

CNS4286

U GB 23-09 00164 BA179

BAH

Mahathir - Pemilihan 4 Jitra

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan anggota parti supaya apa juga yang mereka buat hendaklah menguntungkan parti dan bukan menyokong calon tertentu hanya semata-mata kerana dia seorang kawan baik atau memberi peruntukan tetapi kerana dia boleh membawa kebaikan kepada parti.

"Kalau kita sudah begitu taksud kepada seseorang, tidak mempeduli apa akan jadi kepada parti, itu sudah menyeleweng daripada perjuangan UMNO," katanya.

Katanya, dalam proses hendak memilih calon janganlah menggunakan cara-cara yang boleh melemahkan parti kerana sekiranya calon itu menang sekalipun, dia hanya memperolehi "sekerat" daripada parti dan bukan semuanya.

Dr Mahathir juga berkata, baru-baru ini beliau mendengar cerita yang "tidak sedap sedikit" iaitu kononnya soal pemilihan anggota Majlis Tertinggi UMNO tidak lagi begitu penting tetapi yang penting ialah untuk menjadi perwakilan ke perhimpunan agung UMNO.

Katanya, mereka berpandangan bahawa apabila menjadi perwakilan akan ada banyak "lamaran" dan banyak orang akan mencari mereka kerana mereka ada kuasa mengundi. -- Lagi.

▼23/09/14-14MST

U GB 23-09 00156 BA186

BAH

Mahathir - Pemilihan 5 Jitra

"Saya harap di Kubang Pasu ini janganlah ada niat hendak menjadi wakil kerana hendak dapatkan sesuatu," katanya.

Beliau berkata, biarlah menjadi perwakilan kerana hendak berbuat sesuatu untuk kebaikan parti dan bukan untuk mendapat sesuatu untuk diri sendiri.

"Saya tak boleh tentukan siapa yang boleh dipilih jadi wakil tetapi wakil mesti ingat, dia mempunyai tanggungjawab kepada parti, dia boleh undi dan menentukan siapa menang, siapa kalah," katanya.

Katanya, UMNO memperkenalkan undi akar untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden kerana mahu menentukan bahawa calon juga mendapat faedah daripada pencalonan bahagian kerana pengalaman pada 1987 menunjukkan ada perwakilan tidak mengikut kehendak bahagian semasa mengundi kerana terpengaruh oleh sebab-sebab lain.

Dr Mahathir berkata, ada ura-ura supaya perhimpunan agung UMNO pun akan didakwa sebagai tidak sah di mahkamah supaya dengan itu semua yang terpilih akan gugur dan terpaksa diadakan mesyuarat agung sekali lagi. -- Lagi.

▼23/09/14-59MST

CNS4331

U GB 23-09 00130 BA187

BAH

Mahathir - Pemilihan 6 Jitra

"... ada ura-ura orang yang nak buat macam tu, saya harap perkara ini tak berlakulah," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa dalam sesebuah negara tidak ada guna mempunyai bilangan parti yang banyak tetapi kecil-kecil sehingga tidak dapat membentuk kerajaan.

Katanya, di Malaysia, parti terbesar ialah UMNO tetapi UMNO sendiri tidak dapat membentuk kerajaan kerana itu ditubuhkan Barisan Nasional (BN) dan UMNO menjadi tunggakanya.

Beliau berkata, BN boleh menjadi kuat kerana di dalamnya ada sebuah parti yang cukup besar dan kuat, yang menjadi kekuatan kepada BN, iaitu UMNO.

"Sebab itulah UMNO perlu dijaga dan dipupuk. Kalau ia lemah, tidak akan ada BN yang berkesan dan kita tidak boleh menubuhkan kerajaan yang berkesan," katanya. -- Lagi...

▼23/09/15-01MST..

CNS4333

U GB 23-09 00202 BA188

BAH

Mahathir - Pemilihan 7 (Akhir) Jitra

Perdana Menteri berkata, beliau bukan menidakkan peranan parti-parti komponen BN yang lain tetapi kekuatan UMNO dapat menarik parti-parti lain di sekelilingnya untuk bekerjasama dalam BN dan seterusnya menjadikan negara maju serta tidak lagi dipandang hina oleh orang lain.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, beliau kini sukar hendak membuat ucapan yang bersemangat kerana yang apa yang dikatakannya sering disalahtafsirkan atau dilapor tidak tepat atau dilapor "sekerat-sekerat" sehingga membawa maksud yang lain.

"Ada laporan dalam suratkhbar, kadang-kadang dia lapor sekerat sahaja membuatkan saya kadang-kadang "seriau" (takut) bercakap, takut disalahtafsir," katanya.

"Waktu ini saya kata saya tidak sokong sesiapa, saya berkecuali tapi ada orang berkata, bila dia berkecuali dia sokong sebelah pihak... kadang-kadang kita kata "no comment", itu pun disalahtafsir juga maksudnya dia memihak kepada pihak itu, pihak ini.

"Tak jawab langsungpun dia kata dari air mukanya dia memihak kepada orang itu, orang ini... seolah-olah dia boleh baca hati orang," katanya.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff yang juga timbalan ketua bahagian Kubang Pasu. -- Bernama.

KHY AHH KAM.